

# Apabila rakyat sentiasa mahukan bahagian milik mereka

DALAM wawancara khas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan *Bernama* selepas membuat pengumuman tidak akan mempertahankan jawatan Presiden UMNO dalam pemilihan parti pada Mac tahun hadapan, beliau ada mengatakan bahawa "rakyat Malaysia adalah rakyat Malaysia, mereka sentiasa mahukan bahagian yang mereka selalu ada. Sama ada mereka lapar atau tidak, itu tidak penting, mereka sentiasa mahukan bahagian yang mereka lazim memilikinya."

Selepas selesai sahaja membaca bahagian wawancara ini, pelbagai persoalan bermain di kotak minda yang sarat dengan keinginan-keinginan kepada jawapan. Pertamanya ialah apakah sebenarnya bahagian yang mereka (rakyat) lazim miliki dan seterusnya bagaimana rakyat mahu mengekalkan apa yang mereka lazim miliki di tengah-tengah arus perubahan bersuara dan pelbagai hak dan kebebasan yang semakin banyak menjadituntutan?

Persoalan menjadi lebih sukar apabila keadaan hubungan antara kaum dan agama yang dilihat semakin merosot.

Seterusnya, adakah pemikiran sebegini akan terus relevan apabila rakyat sudah menyedari bahawa isu kesamarata-

an dan hak serta suara mereka perlu didengari dan merupakan antara suara keramat dalam menentukan arah tuju kepimpinan negara.

Bolehkah keinginan sebegini tidak ditenggelami oleh kemunculan generasi baru yang lebih ke arah pembentukan 'bangsa Malaysia' dan juga tuntutan tidak berkesudahan pelbagai kaum dan agama.

Jika hak dan kebebasan mereka sering disuarakan, adakah rakyat juga lantang membicarakan mengenai peranan dan tanggungjawab yang perlu mereka mainkan dalam memastikan bahawa mereka sentiasa dapat bahagian yang mereka lazim memilikinya.

Berupayakah rakyat untuk mendapat tuntutan yang disuarakan dan pada waktu yang sama sentiasa menginginkan bahagian yang lazim mereka miliki? Jika tidak, akan wujudlah perasaan kecewa kerana gagal memiliki apa yang diinginkan dan pada waktu yang sama melihat apa yang lazim mereka memiliki semakin terlepas daripada tangan sendiri?

Jika rakyat gagal memperolehi bahagian yang mereka lazim inginkan, adakah mereka akan berterusan menuding jari kepada orang lain terutama sekali pemimpin tetapi bukan diri mereka.

Tentu sekali persoalan sebegini bukan-

lah mudah untuk mencari jawapannya. Bertambah sukar juga bagi pemimpin untuk merealisasikan impian rakyat Malaysia, jika tidak disokong oleh kesungguhan dan pengorbanan semua pihak.

Dalam sebuah negara yang rakyatnya pelbagai kaum dan bersifat demokrasi, tentunya ciri-ciri kepelbagaian dan tuntutan akan terus menjadi satu perkara yang biasa berlaku.

Namun, dalam negara yang rakyatnya pelbagai kaum, tiada seorang pun yang akan mengatakan bahawa ia adalah mudah untuk memenuhi tuntutan semua pihak dan mengekalkan bahagian yang lazim dimiliki.

Selari dengan itu, perubahan yang mereka ingin juga bukan sahaja perubahan yang akan dilaksanakan oleh pemimpin tetapi dari dalam diri rakyat sendiri. Dan peranan pemimpin negara dalam menanganis isu sebegini tentulah memerlukan komitmen dan kebijaksanaan yang bukan calang-calang.

Jika rakyat ingin terus memiliki apa yang mereka lazim miliki, rakyat perlu sanggup berkorban dan bekerja keras untuk terus memiliki apa yang mereka lazim miliki. Sikap toleransi dan bersifat memahami atau merasai masalah kaum lain amat perlu dalam menjayakan per-

paduan antara kaum di negara ini. Pengorbanan, pengertian dan kerja kuat juga amat perlu.

Perpaduan nasional amat penting dalam memastikan bahawa rakyat Malaysia akan terus dapat menikmati bahagian yang lazim dimiliki.

Ini kerana seperti kata Perdana Menteri, kepelbagaian kaum dan agama yang wujud di negara ini adalah satu rahmat, bukan suatu petaka.

Aset yang ada pada negara ini perlu menjadi aset yang positif dan sebarang masalah perkauman yang wujud perlu ditangani dengan berterus terang, jujur dan penuh kefahaman. Perpaduan antara kaum, tanpa dinafikan adalah tonggak kekuatan dan kejayaan negara.

Rakyat Malaysia perlu terus bersyukur kerana dapat menikmati kemakmuran di tanah air milik semua.

Tiada seorang pun rakyat yang dapat mengatakan bahawa itu bukanlah tanggungjawabnya untuk menjadi rakyat yang dapat terus menghirup udara keamanan dan terus memiliki bahagian yang lazim dimiliki.